



22 SEP, 2020

Harga barangan di pasar segar terkawal

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



MAZLAN (kiri) ketika membuat pemeriksaan di Pasar Segar Terkawal di kawasan PKPD Zon Melor, Amanjaya, Sungai Petani semalam.

Bekalan makanan di PKPD Zon Melor mencukupi Harga barangan di pasar segar terkawal

Oleh **NUR SYAZWANA MANSOR**

SUNGAI PETANI – Harga barangan basah yang dijual di Pasar Segar Terkawal (PST) di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran Zon Melor, Ambangan Heights di Amanjaya di sini masih terkawal.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Daerah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Sungai Petani, Mazlan Safar berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan di pasar tersebut kelmarin.

"Hasil pemeriksaan, kita mendapati terdapat 11 buah gerai yang menjual barangan ba-

sah seperti ikan, ayam, buah dan sayur-sayuran.

"Harga barangan yang dijual di situ adalah berpatutan selain bekalan juga mencukupi," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kata beliau, pelbagai jenis ikan dijual pada harga rendah iaitu bermula daripada harga serendah RM10 hingga RM38 bagi setiap kilogram (kg).

"Antara ikan yang terdapat di PST adalah ikan selayang, cencaru, siakap, jenahak dan lain-lain," ujarnya.

Menurut Mazlan, terdapat juga ayam segar dan ayam beku yang masing-masing dijual pada harga RM8.50 sekilogram dan RM10 seekor.

"Daging import (sejuk beku) dan daging tempatan turut dijual pada harga masing-masing RM20 sekilogram dan RM34 sekilogram," katanya.

Tambahnya, aktiviti jual beli dijalankan secara pandu lalu serta tempahan awal secara dalam talian.

"Para peniaga diingatkan supaya sentiasa mematuhi undang-undang di bawah Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 dan Akta Timbang Dan Suka 1972.

"Pihak kami juga mengalu-alukan maklumat dan kerjasama orang awam untuk menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti kenaikan harga yang tidak munasabah dan menyalahi undang-undang," ujarnya.



22 SEP, 2020

Harga barangan di pasar segar terkawal

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bekalan makanan di PKPD Zon Melor mencukupi MAZLAN (kiri) ketika membuat pemeriksaan di Pasar Segar Terkawal di kawasan PKPD Zon Melor, Amanjaya, Sungai Petani semalam.

SUNGAI PETANI - Harga barangan basah yang dijual di Pasar Segar Terkawal (PST) di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran Zon Melor, Ambangan Heights di Amanjaya di sini masih terkawal.